

27 FEB 2002

Sukan-Sukma

BRUNEI DAN NORTHERN TERRITORY, AUSTRALIA DIJEMPUT SERTAI SUKMA

SEREMBAN, 27 Feb (Bernama) -- Negara Brunei Darussalam dan Northern Territory, Australia telah dijemput menyertai Sukan Malaysia (Sukma) kesembilan yang akan berlangsung di Sabah pada 5 hingga 14 Sept.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah Datuk Yahya Hussin berkata setakat ini Brunei belum menyatakan acara yang akan disertainya manakala Northern Territory akan mengambil bahagian dalam lima jenis sukan.

Acara yang akan disertai oleh Northern Territory ialah golf, tenis, bowling, perahu layar (Optimis), olahraga dan berbasikal, katanya kepada pemberita selepas membuat kunjungan hormat kepada Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad di pejabatnya hari ini.

Lawatan Yahya ke Negeri Sembilan merupakan lawatan dalam siri promosi Sukma IX 2002 Sabah ke negeri-negeri di Semenanjung.

Yahya yang juga pengerusi Jawatankuasa Pengelola sukan itu berkata 18 kontinjen dari seluruh negara akan mengambil bahagian pada temasya sukan dua tahun sekali itu.

Sebanyak 27 jenis sukan akan dipertandingkan terdiri daripada 14 sukan wajib dan 13 sukan pilihan, menawarkan sebanyak 339 pingat emas, 339 pingat perak dan 404 pingat gangsa.

Menurutnya dua jenis sukan -- Judo dan lawan pedang -- merupakan sukan yang baru dipertandingkan pada temasya sukan itu.

Yahya berkata kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan dijadikan perkampungan sukan itu yang akan menempatkan para atlit dan pegawai dengan semua urusan kontinjen akan disediakan di universiti itu.

Mengenai kemudahan lain seperti aspek penyediaan makanan, pengangkutan, sistem teknologi maklumat dan komunikasi serta pusat media, beliau berkata ia setakat ini berjalan lancar mengikut perancangan.

"Bagi rakyat di Semenanjung yang ingin menyaksikan sukan itu, kita sedang mengadakan perbincangan dengan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia mengenai kemungkinan diadakan pakej tambang murah. Saya berharap rakyat di Semenanjung akan mengambil peluang ini untuk melawat Sabah dan mengenali Sabah dengan lebih dekat," katanya.

Menurutnya, monyet yang dipanggil "Proboscis Monkey" telah dipilih sebagai maskot sukan itu dan dinamakan "Bayau".

Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai dijangka merasmikan temasya sukan itu pada 7 Sept manakala penutupannya akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

RP NMO